

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012

3755/1

PERDAGANGAN

Kertas 1

Nov./Dis.

$1\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.

- 1 Situasi manakah yang berkaitan dengan kehendak manusia?
- I Encik Ali membeli rumah bernilai RM500 000 di Johor Bahru
 - II Puan Aminah membelikan kereta mewah untuk anaknya
 - III Encik Majid mendapatkan rawatan di hospital kerajaan
 - IV Puan Fatimah membeli beras untuk keluarganya
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 2 Antara yang berikut, pernyataan manakah yang menerangkan pengeluaran tak langsung?
- I Pak Ayub membuat bot untuk beliau menangkap ikan
 - II Afidah menanam pokok bunga sebagai hiasan di halaman rumahnya
 - III Junie, pengusaha tanaman orkid memasarkan produknya ke luar negara
 - IV Bio Mas Organik Sdn. Bhd. menghasilkan baja organik menggunakan mesin
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan amalan yang dijalankan di kilang Syarikat ManjaKu, pengeluar pakaian kanak-kanak.

Pekerja diasingkan kepada tiga bahagian iaitu memotong, menjahit dan membungkus pakaian.

Apakah kelebihan amalan tersebut kepada pekerja?

- A Menaikkan minat
 - B Mengasah daya kreativiti
 - C Meningkatkan rasa bangga
 - D Meninggikan kemahiran
- 4 Aktiviti manakah yang terlibat dalam industri pembinaan?
- A Penghasilan papan lapis
 - B Pembuatan batu bata
 - C Pemasangan kapal terbang
 - D Pengeluaran komponen kereta


- 5 Mengapakah wujudnya pengkhususan dalam pengeluaran?
- A Keperluan manusia mudah dipenuhi
 - B Penggunaan bahan mentah terhad
 - C Perbezaan bentuk muka bumi
 - D Kepatuhan undang-undang
- 6 Gambar 1 berkaitan dengan Mek Jah, seorang usahawan.



Gambar 1

- Antara yang berikut, yang manakah peranan Mek Jah kepada masyarakat?
- I Meningkatkan taraf hidup penduduk Kota Bharu
 - II Mengeluarkan batik Kelantan secara besar-besaran
 - III Memangkin pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan
 - IV Mewujudkan peluang pekerjaan di sekitar Kota Bharu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Situasi manakah yang melibatkan bantuan perniagaan?
- A Cik Mary mengajar di sekolah tadika
 - B Pak Abu menanam padi dua kali setahun
 - C Encik Peter menghantar keluarannya ke kedai-kedai
 - D Cik Norma menghasilkan kerepek daripada ubi kayu

- 8 Rajah 1 menunjukkan sejenis saluran agihan.



Rajah 1

Siapakah yang menggunakan saluran agihan tersebut?

- A Pemilik pasar raya
 - B Pengeluar alat tulis
 - C Pengusaha kilang roti
 - D Pemandan rambut wanita
- 9 Apakah kelebihan perniagaan runcit kecil-kecilan?
- A Menanggung liabiliti terhad
 - B Mengamalkan pengkhususan
 - C Membeli barang secara pukal
 - D Mempunyai kos overhead yang rendah
- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pemborong.

- Memperagakan barang di kedai peruncit
- Membayar komisen untuk barang yang terjual

Apakah jenis pemborong tersebut?

- A Pemborong pesanan berwakil
 - B Pemborong bayar dan bawa
 - C Pemborong pesanan mel
 - D Pemborong jobber para
- 11 Apakah bayaran yang diterima oleh francaisor daripada francaisi?
- A Bonus
 - B Faedah
 - C Royalti
 - D Komisen

12 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan mesin peruncitan automatik?

- A Beroperasi 24 jam
- B Muatannya banyak
- C Memerlukan modal yang kecil
- D Ruang niaga disediakan oleh kedai runcit

13 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis dokumen perniagaan.

- Cara sopan meminta bayaran daripada pembeli
- Dihantar kepada pembeli untuk menguji barang sebelum membeli

Apakah jenis dokumen tersebut?

- A Invois proforma
- B Penyata akaun
- C Nota serahan
- D Nota kiriman

14 Maklumat berikut berkaitan dengan pembelian sebuah perabot.

Encik Hamid membeli sebuah perabot antik dengan harga RM5 900. Beliau menjelaskan wang pendahuluan sebanyak RM590. Faedah dikenakan sebanyak 10% setahun. Beliau membayar untuk tempoh dua tahun.

Berapakah ansuran bulanan yang perlu beliau bayar?

- A RM221.25
- B RM243.37
- C RM245.83
- D RM265.50

15 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis dokumen perniagaan antarabangsa.

- Ditandatangani oleh penyewa dan pemilik kapal
- Digunakan untuk menyewa sebahagian atau seluruh kapal

Apakah dokumen tersebut?

- A Janji carter
- B Surat cagaran
- C Resit nakhoda
- D Nota perkapalan

- 16 Antara yang berikut, yang manakah halangan dalam perniagaan antarabangsa?
- I Bahasa
 - II Teknologi
 - III Kos pengeluaran
 - IV Mata wang
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 17 Pernyataan manakah yang menunjukkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mempunyai hubungan jalin dengan industri berat?
- A IKS membekal komponen untuk memenuhi keperluan industri berat
B IKS menghadapi persaingan hebat dengan industri berat
C IKS menyumbang kepakaran kepada industri berat
D IKS berkongsi modal dengan industri berat
- 18 Pernyataan berikut berkaitan satu cara memulakan perniagaan.

Encik Hamad telah menyertai sebuah perniagaan milik rakannya kerana kepakaran beliau dalam bidang pengurusan.

- Apakah cara memulakan perniagaan tersebut?
- A Warisan
B Diundang
C Mengambil alih
D Memulakan sendiri
- 19 Apakah tujuan Borang A digunakan dalam perniagaan milikan tunggal?
- A Mengubah maklumat perniagaan
B Mendaftar penubuhan perniagaan
C Memohon kelulusan nama perniagaan
D Memperbaharu pendaftaran perniagaan

20 Situasi berikut berkaitan dengan cadangan perubahan jenis milikan perniagaan.

Cik Jenny merupakan seorang pengarah syarikat di sebuah syarikat sendirian berhad. Lembaga Pengarah telah mencadangkan agar syarikat diubah menjadi syarikat awam berhad untuk menambahkan modal syarikat. Namun begitu Cik Jenny tidak bersetuju.

Mengapakah Cik Jenny tidak bersetuju dengan cadangan tersebut?

- A Jangka hayat syarikat awam berhad kekal
 - B Liabiliti pemegang syer syarikat awam berhad terhad
 - C Syarikat awam berhad perlu membayar cukai syarikat
 - D Laporan kewangan syarikat awam berhad perlu dimaklum kepada umum
- 21 Bagaimanakah dasar penswastaaan dapat memanfaatkan orang ramai?
- A Mengurangkan beban kewangan
 - B Menikmati perkhidmatan yang lebih cekap
 - C Memperoleh pinjaman dengan kadar faedah rendah
 - D Mendapatkan perkhidmatan dengan harga yang rendah
- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan syer bonus yang diisytiharkan oleh Syarikat Matahari Berhad.

20 unit syer bonus untuk setiap 1 000 unit syer biasa

Berapakah syer bonus yang akan diberikan kepada Encik Sulaiman yang mempunyai 3 000 unit syer biasa syarikat tersebut?

- A 20 unit
 - B 40 unit
 - C 60 unit
 - D 80 unit
- 23 Hussin menyimpan wang dalam akaun simpanan tetap sebanyak RM10 000 untuk tempoh 6 bulan. Kadar faedah adalah 5% setahun.
- Berapakah jumlah wang yang diterima oleh Hussin pada akhir tempoh berkenaan?
- A RM10 250
 - B RM10 500
 - C RM11 000
 - D RM13 000

- 24 Apakah fungsi bank pusat?
- A Menjadi jurubank kepada orang ramai
 - B Memberi pinjaman kepada usahawan
 - C Membiayai projek badan korporat
 - D Mengawal mata wang negara
- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kemudahan pembayaran bank.

Encik Musa meminta pihak bank membayar premium insurans pada 5 hari bulan setiap bulan.

Apakah jenis kemudahan pembayaran tersebut?

- A Draf bank
 - B Arahan tetap
 - C Cek jurubank
 - D Pindahan kredit
- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu prinsip syariah dalam perbankan Islam.

- Perkongsian untung antara pemodal dengan pengusaha
- Kerugian ditanggung oleh pemodal

Apakah prinsip tersebut?

- A Ijarah
 - B Wadiah
 - C Al Rahnu
 - D Mudharabah
- 27 Mengapakah pemborong yang kerap mengamalkan jualan secara kredit memerlukan bantuan daripada syarikat pefaktor?
- I Memberi jaminan bayaran
 - II Mengenakan belanja kutip hutang
 - III Membeli invois pada nilai diskaun
 - IV Risiko hutang lapuk dapat dialihkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 28 Apakah jenis polisi insurans bagi melindungi majikan daripada ketidakjujuran kerani kewangannya?
- A Insurans jaminan setia
 - B Insurans liabiliti am
 - C Insurans kecurian
 - D Insurans gadaian
- 29 Antara yang berikut, unsur manakah yang dibenarkan dalam prinsip takaful?
- I Maisir
 - II Gharar
 - III Subrogasi
 - IV Sumbangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 30 Apakah ikatan perjanjian antara insured dengan insurer?
- A Polisi insurans
 - B Dana insurans
 - C Pampasan
 - D Premium
- 31 Bagaimanakah pengangkutan yang cekap dapat menggalakkan pengaliran modal ke dalam negara?
- I Menarik kemasukan pelabur asing
 - II Mempelbagaikan pilihan pengguna
 - III Memudahkan pergerakan pelancong
 - IV Menyebarkan hasil ciptaan sains dan teknologi
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

32 Mengapakah ukuran piawai kontena ditetapkan?

- A Memudahkan pintu kontena dikunci
- B Menyenangkan pengendalian
- C Mematuhi undang-undang
- D Mengurangkan kecurian

33 Maklumat berikut menerangkan sejenis perkhidmatan pos.

- Memudahkan pengembara memungut mel
- Disediakan untuk tempoh tiga bulan

Apakah jenis perkhidmatan tersebut?

- A Frangki
- B Datapos
- C Poste restante
- D Tiket serahan tingkap

34 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis gudang.

Encik Ali menyimpan bahan mentah di gudangnya sebelum beliau memproses bahan tersebut menjadi barang siap.

Apakah jenis gudang tersebut?

- A Gudang am
- B Gudang berbon
- C Gudang pengilang
- D Gudang pemborong

35 Antara yang berikut, yang manakah peranan pergudangan?

- I Menyediakan tempat penyelidikan dan pembangunan
 - II Menjamin bekalan berterusan
 - III Menstabilkan harga barang
 - IV Meningkatkan imej produk
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 36 Apakah peranan promosi?
- A Mengagihkan barang
 - B Menyampaikan maklumat
 - C Menstabilkan harga barang
 - D Melindungi daripada risiko kerugian
- 37 Encik Fauzan membuka sebuah kedai alat ganti kenderaan di bandar Kuching. Bagaimanakah beliau menghebahkan perniagaan itu dengan kos yang murah?
- A Mengiklankan dalam majalah kereta
 - B Menggunakan belon panas
 - C Menyiarkan di televisyen
 - D Mengedarkan risalah
- 38 Maklumat berikut berkaitan dengan tanggungjawab pengeluar.

- Menghasilkan barang yang berkualiti
- Menawarkan harga yang berpatutan

Apakah tanggungjawab tersebut?

- A Menjalankan tanggungjawab sosial
 - B Mengamalkan pengiklanan beretika
 - C Mempraktikkan amalan perniagaan yang baik
 - D Menerima rungutan dan mengambil tindakan pembedulan
- 39 Bagaimanakah pengguna membeli dengan bijak?
- A Memilih barang yang dipromosikan
 - B Menentukan masa yang sesuai untuk membeli
 - C Membuat keputusan pembelian mengikut gaya terkini
 - D Mengutamakan barang berdasarkan cara pembungkusan

Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 40 I Komunikasi berperanan untuk menstabilkan harga barang di pasaran.
II Komunikasi juga berperanan untuk memperluas pasaran.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012

3755/2

PERDAGANGAN

Kertas 2

Nov./Dis.

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian B**.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[75 markah]

Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.

1 (a) Jelaskan Hierarki Keperluan Maslow. [6 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis pengeluaran.

Jenis Pengeluaran	Keterangan
X	Seorang nelayan menangkap ikan bagi memenuhi keperluan ahli keluarganya.
Y	Seorang pekebun sayur menanam sayur untuk dipasarkan bagi memenuhi permintaan penduduk setempat. Hasil jualannya digunakan untuk membeli barangan keperluan keluarganya.

Bezakan antara jenis pengeluaran X dengan Y. [8 markah]


(c) Encik Alias mengusahakan kerja-kerja pertukangan barang-barang hiasan daripada emas dan perak. Hasil pertukangannya amat kreatif dan menarik. Beliau turut menerima tempahan mengikut cita rasa dan kreativiti pelanggan.

Adakah Encik Alias mengamalkan pengkhususan dalam pengeluarannya?

Beri **empat** alasan.

[5 markah]

(d) Gambar 1 menunjukkan aktiviti di sebuah ladang kelapa sawit.



Gambar 1

Huraikan **dua** faktor pengeluaran yang terlibat.

[6 markah]

- 2 (a) Encik Nathan membeli belacan untuk kedai runcitnya di Kuala Lumpur daripada Mak Timah, pembuat belacan di Melaka.

Terangkan **tiga** bantuan perniagaan yang diperlukan oleh Encik Nathan apabila beliau membuat urus niaga tersebut.

[6 markah]

- (b) Dialog berikut berkaitan dengan sejenis perniagaan runcit.

Puan Nisa :	Setiap hari, saya akan pergi ke pasar mini di hadapan rumah saya untuk membeli barang keperluan harian. Di mana pula awak membeli-belah?
Puan Yani :	Saya membeli di pasar raya. Di sana lebih banyak pilihan barang. Cubalah awak pergi ke sana.
Puan Nisa :	Tidak mengapalah Yani, saya lebih suka membeli di pasar mini.

- (i) Kenal pasti jenis perniagaan runcit yang dikunjungi oleh Puan Nisa.
[1 markah]

- (ii) Beri **lima** sebab Puan Nisa memilih jenis perniagaan runcit di 2(b)(i).
[5 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan invois yang dikeluarkan oleh seorang peniaga.

Nombor Invois	Keterangan
IN-1880	Jumlah harga terlebih catat sebanyak RM80.
IN-5450	Harga sebenar RM1 200 telah dicatat sebagai RM1 020.

- (i) Terangkan dokumen yang akan digunakan untuk membetulkan kesilapan pada invois bernombor:

- (a) IN-1880 [2 markah]
(b) IN-5450 [2 markah]

- (ii) Jelaskan **tiga** sebab lain dokumen di 2(c)(i)(b) dihantar kepada pelanggan.
[3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

(d) Gambar 2 menunjukkan perbualan tentang bentuk lain peruncitan.



Gambar 2

Terangkan **tiga** bentuk lain peruncitan yang dimaksudkan oleh Azizah.


[6 markah]

- 3 (a) Gambar 3 menunjukkan satu bidang kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).



Gambar 3

- (i) Nyatakan bidang kegiatan IKS tersebut. [1 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** kepentingan bidang kegiatan di 3(a)(i) kepada masyarakat. [6 markah]
- (b) Rajah 1 menunjukkan perubahan jenis pemilikan perniagaan.



Rajah 1

- (i) Nyatakan dasar yang menyebabkan perubahan jenis pemilikan perniagaan tersebut. [1 markah]
- (ii) Jelaskan **empat** kelebihan dasar di 3(b)(i). [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

(c) Gambar 4 menunjukkan perbualan tentang syer.



Gambar 4

Adakah anda bersetuju dengan Mimi?

Terangkan **tiga** sebab.

[7 markah]

(d) Jelaskan **tiga** perbezaan antara pelabur dengan spekulator.

[6 markah]

- 4 (a) Rajah 2 menunjukkan sekeping cek.

BANK SMJ BERHAD NO 13, JALAN SERULING 01000 KANGAR, PERLIS	Tarikh: 10 April 2012
Bayar : Kedai Elektrik Hong	
Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Dua Ratus Sahaja	RM3 020.00
<i>Sanjeey</i>	
453211 04 885644 0000076844 01	

Rajah 2

- (i) Terangkan **dua** pihak yang terlibat dalam cek tersebut. [4 markah]
- (ii) Pada 5 April 2012, pemilik Kedai Elektrik Hong telah membawa cek tersebut ke Bank Bakti Bhd. Jitra, Kedah untuk didepositkan tetapi telah ditolak oleh pihak bank.
Terangkan **dua** sebab. [4 markah]
- (b) Perbualan berikut berkaitan dengan bayaran premium insurans.

Halim : Saya telah mengambil polisi insurans endowmen dengan Syarikat Insurans Gemilang baru-baru ini.
David : Baguslah. Sebagai seorang juruterbang, kita perlukan insurans bukan sahaja untuk melindungi diri dan keluarga tetapi sebagai tabungan untuk masa hadapan.
Halim : Adik perempuan saya seorang penyelia kilang. Dia juga mengambil polisi insurans hayat sementara di syarikat tersebut tetapi nilai premium insuransnya lebih rendah.

Terangkan **tiga** faktor yang menentukan bayaran premium bagi Halim dan adik perempuannya. [6 markah]

- (c) Gambar 5 menunjukkan perbualan berkaitan dengan jenis pengangkutan.



Gambar 5

Mengapakah Encik Simon memilih jenis pengangkutan tersebut? [6 markah]

- (d) Jelaskan perkhidmatan telekomunikasi berikut:

(i) Panggilan tanpa tol [2 markah]

(ii) E-mel (Mel elektronik) [3 markah]

5 (a) Terangkan **empat** peranan gudang peruncit. [8 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis promosi yang disiarkan di dalam sebuah majalah fesyen.

BATIK LUKIS MALAYSIA DIIKTIRAF DUNIA

Batik keluaran Syarikat Batik Lukis Min telah menerima anugerah emas di pameran tekstil di Paris. Keunikan, keaslian corak dan warna batik telah menambat hati para juri.

(i) Nyatakan jenis promosi tersebut. [1 markah]

(ii) Jelaskan **empat** kelebihan jenis promosi di 5 (b)(i) kepada Syarikat Batik Lukis Min. [4 markah]


(c) Maklumat berikut berkaitan dengan tanggungjawab pengeluar kepada pengguna.

- Menyediakan tempat menunggu bas untuk masyarakat setempat
- Memberi biasiswa kepada pelajar miskin
- Mengadakan jamuan makan kepada orang-orang tua

Terangkan **tiga** tanggungjawab pengeluar selain daripada yang dinyatakan dalam maklumat di atas.

[6 markah]

- (d) Gambar 6 berkaitan dengan produk pengguna yang dikeluarkan oleh Syarikat D'best Industries.



Gambar 6

Terangkan **tiga** hak pengguna yang telah dipenuhi oleh Syarikat D'best Industries.
[6 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

- 6 Kasman, seorang tukang masak di sebuah restoran terkemuka telah diberhentikan kerja dan menerima pampasan pemberhentian sebanyak RM50 000. Beliau mempelawa Salleh, seorang pengusaha bot untuk membuka sebuah restoran terapung di atas bot yang menyusur sepanjang Sungai Melaka. Salleh menerima pelawaan tersebut dan menandatangani perjanjian bersama untuk menubuhkan Restoran Terapung Impian.

Pada bulan pertama pembukaannya, sambutan yang diterima amat menggalakkan tetapi terdapat rungutan daripada sebilangan pelanggan. Makanan yang dipesan oleh pelanggan lambat diterima dan layanan yang diberikan juga kurang memuaskan. Selain itu, kelemahan Kasman dan Salleh dalam menguruskan kewangan menjejaskan aliran tunai perniagaan. Mereka mendapatkan bantuan daripada agensi kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut.

Selepas mendapat bantuan daripada agensi kerajaan, restoran mereka semakin maju. Bot yang lebih besar juga diperlukan bagi menampung bilangan pelanggan yang meningkat terutama semasa cuti persekolahan dan hari minggu. Mereka bercadang meluaskan operasi dengan menyediakan pakej pelayaran ke pulau-pulau berhampiran sambil dijamu juadah istimewa yang menarik. Kasman menyarankan mereka menggunakan saluran agihan lain yang lebih berkesan. Salleh bersetuju dengan saranan tersebut. Pada masa yang sama, mereka menghadapi masalah kewangan untuk menambah bilangan bot sedia ada. Kasman berpendapat agar mereka memohon pinjaman jangka panjang daripada pihak bank tetapi Salleh pula berpendapat bot yang diperoleh melalui pajakan lebih sesuai. Selain itu, mereka yakin keselamatan pelanggan dan pekerja semasa berada di atas bot juga perlu diberi perhatian. Justeru itu, Salleh menghubungi syarikat insurans untuk mendapatkan maklumat berkaitan hal tersebut.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut:

- (a) (i) Apakah jenis pemilikan perniagaan Restoran Terapung Impian?
[1 markah]
- (ii) Mengapakah Kasman memilih jenis pemilikan perniagaan di 6(a)(i)?
[5 markah]
- (b) Terangkan **dua** agensi kerajaan yang dapat membantu Kasman dan Salleh.
[4 markah]
- (c) Huraikan jenis saluran agihan lain yang dimaksudkan oleh Kasman. [3 markah]
- (d) Kemudahan pembiayaan manakah yang sesuai dipilih untuk menambah bilangan bot? Kemukakan **lima** alasan.
[6 markah]
- (e) Terangkan **tiga** jenis insurans yang boleh diambil oleh Restoran Terapung Impian untuk pakej pelayaran tersebut.
[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT